

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	8 APRIL 2015

PM saran rakyat amal gaya hidup sihat

Kuala Lumpur: Rakyat disaran mengamalkan budaya hidup sihat seperti beriadah, memakan makanan berkhasiat dan melakukan aktiviti kesihatan bagi menghindarkan diri daripada pelbagai penyakit.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata amalan budaya hidup sihat penting kerana kadar obesiti di Malaysia sekarang amat membimbangkan.

Cegah pelbagai penyakit

Beliau berkata, semua masalah kesihatan, termasuk obesiti dan jangkitan penyakit berbahaya lain dapat dicegah jika semua pihak memainkan peranan masing-masing.

BH - 8/4/2015

“Sekiranya kita semua memainkan peranan bersama dalam mengamalkan budaya hidup sihat, kita mampu mencegah diri, bukan sahaja daripada obesiti, bahkan banyak penyakit berbahaya yang lain.

“Kepada semua rakyat Malaysia, Selamat Menyambut Hari Kesihatan Sedunia,” katanya dalam satu kenyataan menerusi laman Facebook sempena Hari Kesihatan Sedunia di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sentiasa mengambil berat dan amat komited dalam memastikan kesihatan rakyat Malaysia terus terpelihara serta perkhidmatan kesihatan negara terus maju

dan berkualiti.

Kawal kos perubatan

Pada masa sama, Najib berkata kerajaan juga akan terus berusaha supaya kos perubatan tidak membebankan dan boleh dinikmati oleh majoriti masyarakat di negara ini.

“Kerajaan ketika ini menanggung 98 peratus daripada kos perubatan untuk rakyat Malaysia yang mendapatkan rawatan kesihatan di hospital atau klinik kerajaan.

“Kita juga akan terus berusaha memastikan kualiti perkhidmatan kesihatan yang disediakan di klinik dan hospital kerajaan ditingkatkan dari semasa ke semasa,” katanya.